

**Kempen "LEBIH KAW-KAW"
Terma dan Syarat**

Terma-terma dan syarat-syarat berikut adalah tertakluk kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) ("BMMB"), Kempen "**Lebih Kaw-Kaw**".

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen "Lebih Kaw-Kaw" ("Kempen") akan bermula dari **1hb Ogos 2020 sehingga 31hb Julai 2021** (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").

KELAYAKAN KEMPEN

2. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan **baharu dan sedia ada** BMMB di bawah kategori berikut:
 - i) **Individu** berumur 18 tahun dan ke atas yang bermastautin di Malaysia (termasuk Bukan Pemastautin);
 - ii) **Bukan Individu** termasuk Persatuan/ Kelab/ Pertubuhan/ Sekolah/ Pemilikan Tunggal/ Perkongsian

[Selepas ini dirujuk sebagai "Pelanggan yang layak"]

3. Individu dan/atau organisasi berikut adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai kempen ini:-
 - i) Pemegang akaun Korporat dan Komersil (iaitu Syarikat Tersenarai Awam, Badan Berkanun, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Syarikat Multi-nasional, Koperasi dan sebagainya);
 - ii) Kakitangan tetap dan/atau kontrak BMMB dan Muamalat Invest Sdn Bhd (MISB);
 - iii) Ahli keluarga terdekat (iaitu ibu bapa/suami/isteri/anak/adik-beradik) kakitangan BMMB dan MISB;
 - iv) Individu di bawah usia 18 tahun.
4. Untuk akaun bersama, peserta yang layak adalah pemegang akaun utama sahaja.
5. Akaun-akaun yang dikhususkan untuk Kempen ini terdiri daripada **Akaun Simpanan (ASI) & Akaun Semasa (ASE)** berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq dan **Akaun Pelaburan (APK)** berdasarkan prinsip Mudarabah seperti yang disenaraikan di bawah ("Akaun Kempen"):

Akaun-akaun Kempen	
<u>i) Akaun Simpanan Kempen (ASIK)</u>	
a. Akaun Simpanan More Kaw-Kaw	(ASIMK) ¹
b. Akaun Simpanan MuSS More Kaw-Kaw	(ASIMMK) ²
c. Akaun Simpanan ELITE More Kaw-Kaw	(ASIEMK) ³
d. Akaun Simpanan ONLINE More Kaw-Kaw	(ASIOLMK) ⁴
e. Akaun Simpanan ONLINE ELITE More Kaw-Kaw	(ASIOEMK) ⁵
<u>ii) Akaun Semasa Kempen (ASEK)</u>	
a. Akaun Semasa More Kaw-Kaw (Individu)	(ASEMK) ¹
b. Akaun Semasa MuSS More Kaw-Kaw (Individu)	(ASEMMK) ²
c. Akaun Semasa More Kaw-Kaw (Bukan Individu)	(ASEMK_BI)
<u>iii) Akaun Pelaburan Kempen (APK)</u>	
a. Akaun Pelaburan SURIA (Individu)	(MUD_INVEST)
Nota:	
1. Untuk individu berusia 18 & ke atas	
2. Untuk individu yang memilih untuk akaun gaji di bawah Skim Gaji Muamalat [Muamalat Salary Scheme (MuSS)]	
3. Untuk individu berusia 45 dan ke atas SAHAJA	
4. Untuk pelanggan sedia ada BMMB SAHAJA di mana pembukaan akaun secara dalam talian melalui i-Muamalat	

5. Untuk pelanggan **sedia ada** BMMB berumur 45 & ke atas SAHAJA di mana pembukaan akaun secara dalam talian melalui i-Muamalat

6. Butiran Akaun Kempen adalah seperti di bawah:

Butiran	Akaun Simpanan Kempen (ASIK)	Akaun Semasa Kempen (ASEK)	Akaun Pelaburan Kempen (APK)												
Deposit / Pelaburan permulaan	RM100	RM500	RM100												
Baki deposit / pelaburan perlu dikekalkan dalam akaun	RM100	RM500	RM50												
Kadar keuntungan*	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Peringkat</th> <th>Kadar keuntungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM0 - RM499.99</td> <td>0.05% (setahun)</td> </tr> <tr> <td>RM500 - RM999.99</td> <td>0.10% (setahun)</td> </tr> <tr> <td>RM1,000 dan ke atas</td> <td>0.25% (setahun)</td> </tr> </tbody> </table>		Peringkat	Kadar keuntungan	RM0 - RM499.99	0.05% (setahun)	RM500 - RM999.99	0.10% (setahun)	RM1,000 dan ke atas	0.25% (setahun)	Nisbah Pembahagian Keuntungan: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Pelabur</th> <th>Bank</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>98</td> </tr> </tbody> </table>	Pelabur	Bank	2	98
	Peringkat	Kadar keuntungan													
	RM0 - RM499.99	0.05% (setahun)													
	RM500 - RM999.99	0.10% (setahun)													
RM1,000 dan ke atas	0.25% (setahun)														
Pelabur	Bank														
2	98														

*Kadar keuntungan sedia ada (standard) akan diguna pakai apabila tamat tempoh Kempen

7. Setelah tamat tempoh kempen, semua Akaun Kempen ini akan ditukar secara automatik dalam sistem kepada Akaun Generik masing-masing yang telah ditentukan seperti yang tertera di bawah:-

Akaun Kempen	Akaun Generik
a. ASIMK	Akaun Simpanan-i Tawarruq One Reach
b. ASIMMK	Akaun Simpanan-i Tawarruq MuSS
c. ASIEMK	Akaun Simpanan-i Tawarruq ELITE
d. ASIOLMK	Akaun Simpanan-i Tawarruq ONLINE
e. ASIOEMK	Akaun Simpanan-i Tawarruq ONLINE ELITE
f. ASEMK	Akaun Semasa-i Tawarruq One Reach (Individu)
g. ASEMMK	Akaun Semasa-i Tawarruq MuSS (Individu)
h. ASEMK_BI	Akaun Semasa-i Tawarruq One Reach (Bukan Individu)
i. MUD_INVEST	Akaun Pelaburan SURIA (Individu)

8. Untuk menyertai kempen, pelanggan yang layak (**sedia ada atau baharu**) hendaklah menjadi pemegang akaun bagi mana-mana Akaun Kempen.

9. Pelanggan **baharu** yang layak perlu membuka Akaun Kempen yang baharu manakala pelanggan **sedia ada** yang layak mempunyai **opsyen** berikut :-

- i) membuka Akaun Kempen yang **baharu** atau
- ii) memberi kebenaran untuk pertukaran produk dari akaun BMMB yang **sedia ada** kepada Akaun Kempen yang berkaitan.

10. Butiran mengenai keperluan untuk menjadi pemegang Akaun Kempen bagi pelanggan **sedia ada & baharu** yang layak adalah seperti yang dinyatakan di bawah:-

a) Pelanggan baharu yang layak:

Pelanggan		Keperluan untuk membuka Akaun Kempen yang baharu
Akaun Simpanan & Akaun Semasa	Individu berusia 18 - 44	Untuk membuka mana-mana Akaun Kempen yang berikut:- i) ASIMK; ii) ASIMMK; iii) ASIOLMK; iv) ASEMCK; v) ASEMMK
Akaun Simpanan & Akaun Semasa	Individu berusia 45 & ke atas	Untuk membuka mana-mana Akaun Kempen yang berikut:- i) ASIMK; ii) ASIMMK; iii) ASIEMK; iv) ASIOLMK; v) ASIOEMK; vi) ASEMCK; vii) ASEMMK
Akaun Semasa	Bukan Individu	Untuk membuka Akaun Kempen: ASEMCK_BI
Akaun Pelaburan	Individu berusia 18 & ke atas	Untuk membuka Akaun Kempen: MUD_INVEST

b) Pelanggan sedia ada yang layak:

Pelanggan	Akaun sedia ada BMMB	Opsyen sama ada (A) atau (B)		
		(A)	(B)	
		Untuk memberi kebenaran pertukaran daripada 'Akaun sedia ada BMMB' kepada Akaun Kempen yang berkaitan :	Untuk membuka Akaun Kempen baharu :	
Akaun Simpanan & Akaun Semasa	Individu berusia 18 - 44	Akaun Simpanan*	Akaun Simpanan* tukar kepada ASIMK	daripada mana-mana yang berkaitan seperti berikut:- i) ASIMK; ii) ASIMMK; iii) ASIOLMK; iv) ASEMCK; v) ASEMMK
		Akaun Simpanan MuSS	Akaun Simpanan MuSS tukar kepada ASIMMK	
		Akaun Simpanan ONLINE	Akaun Simpanan ONLINE tukar kepada ASIOLMK	
		Akaun Semasa*	Akaun Semasa* tukar kepada ASEMCK	
		Akaun Semasa MuSS	Akaun Semasa MuSS tukar kepada ASEMMK	
Akaun Simpanan & Akaun Semasa	Individu berusia 45 & ke atas	Akaun Simpanan*	Akaun Simpanan* tukar kepada: (i) ASIMK atau (ii) ASIEMK	daripada mana-mana yang berkaitan seperti berikut:- i) ASIMK; ii) ASIMMK; iii) ASIEMK; iv) ASIOLMK; v) ASIEOMK; vi) ASEMCK; vii) ASEMMK
		Akaun Simpanan MuSS	Akaun Simpanan MuSS tukar kepada: (i) ASIMMK atau (ii) ASIEMK	
		Akaun Simpanan ELITE	Akaun Simpanan ELITE tukar kepada ASIEMK	
		Akaun Simpanan ONLINE	Akaun Simpanan ONLINE tukar kepada: (i) ASIOLMK atau	

			(ii) ASIEOMK	
		Akaun Semasa*	Akaun Semasa* tukar kepada ASEMK	
		Akaun Semasa MuSS	Akaun Semasa MuSS tukar kepada ASEMMK	
Akaun Semasa	Bukan Individu	Akaun Semasa (Bukan Individu)*	Akaun Semasa (Bukan Individu)* tukar kepada ASEMK_BI	ASEMK_BI
Akaun Pelaburan	Individu berusia 18 & ke atas	Akaun Pelaburan SURIA	Akaun Semasa tukar kepada MUD_INVEST	MUD_INVEST

*Merujuk kepada Akaun Simpanan atau Semasa Normal/ One Reach atau yang lainnya (tidak termasuk Akaun Simpanan/Semasa Asas) di bawah prinsip Syariah Qard atau Tawarruq

11. Permohonan untuk pertukaran produk

- Pelanggan sedia ada yang layak mempunyai dua (2) opsyen untuk memberi kebenaran bagi pertukaran produk secara sementara dari akaun yang sedia ada kepada akaun Kempen yang berkaitan:
 - i) **Dengan mengunjungi cawangan** terdekat bagi mengisi Borang Permintaan Perkhidmatan (SRF) & Borang Penilaian Kesesuaian (SAF) khusus bagi kempen di cawangan; atau
 - ii) **Dengan Menghubungi BMMB "Contact Centre" (BCC)** setelah menerima SMS untuk pengesahan secara lisan.
- Dengan membuat mana-mana opsyen yang tersebut di atas, pelanggan telah mengakui untuk membenarkan pertukaran produk dan telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat Akaun Kempen dan akaun sedia ada.

HADIAH

12. Kempen ini menawarkan peserta Hadiah-hadiah berikut di mana pemilihan pemenang akan dijalankan melalui cabutan bertuah dalam kategori-kategori seperti yang ditunjukkan di bawah:-

Butiran	Kategori Cabutan				
	PLATINUM*	EMAS	KLASIK	TEMPATAN	KHAS (PESARA)
Kategori Hadiah	Hadiah UTAMA	Hadiah Suku tahunan	Hadiah Bulanan	Hadiah Bulanan Peringkat Wilayah	Hadiah Bulanan Peringkat Wilayah (utk. Pesara)
Hadiah	RM1 Juta	1. Honda HR-V 1.8 2. PROTON X70 3. Honda HR-V 1.8 4. Honda Civic 1.5 <u>Nota:</u> 1 hadiah adalah diperuntukkan bagi setiap satu cabutan Suku tahunan	RM10,000 setiap pemenang	RM1,000 setiap pemenang	RM1,000 setiap pemenang
Bilangan cabutan	1	4	12	12	12

sepanjang Kempen					
Bilangan pemenang bagi setiap cabutan	1	1	1	10 x 5 Wilayah = <u>50</u>	5 x 5 Wilayah = <u>25</u>
Jumlah bilangan pemenang sepanjang Kempen	1 pemenang	4 pemenang	12 pemenang	50 x 12 = <u>600</u> pemenang	25 x 12 = <u>300</u> pemenang
Jumlah bilangan para pemenang sepanjang Kempen = <u>917</u> pemenang					
* Untuk pemenang cabutan PLATINUM, RM1 juta perlu dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan / Semasa / Pelaburan pemenang dengan BMMB dan akan diperuntukkan ('earmark') selama 1 bulan dari tarikh wang dikreditkan ke akaun pemenang selepas pengumuman pemenang					

KRITERIA KELAYAKAN UNTUK CABUTAN HADIAH

13. Kriteria-kriteria untuk layak masuk ke cabutan hadiah adalah seperti berikut:-

13.1 Pelanggan yang layak & Akaun Kempen

- Pelanggan yang menjadi pemegang mana-mana Akaun Kempen dengan deposit / pelaburan permulaan & baki minimum deposit / pelaburan yang perlu dikekalkan dalam akaun (seperti yang dinyatakan dalam perkara 5 & 6) sepanjang tempoh kempen boleh mengambil bahagian dalam cabutan.
- Hanya Akaun Kempen yang aktif sahaja yang layak untuk cabutan hadiah. Bank berhak untuk menyertakan atau mengecualikan mana-mana akaun, kerana ia dianggap perlu atau wajar.

13.2 Mata Berkumpul (MT)

- Mata Berkumpul (MT) adalah bilangan penyertaan yang pelanggan layak untuk menyertai cabutan yang mana menentukan bilangan peluang pelanggan dalam cabutan yang ditawarkan. MT ini dikira berdasarkan Purata Baki Harian (PBH) bulanan.
- Kelayakan pelanggan untuk jumlah MT adalah bergantung kepada Akaun Kempen pelanggan (sama ada di bawah Akaun Kempen Biasa / Pelaburan atau MuSS) yang dimiliki semasa tempoh Kempen seperti berikut:-
 - i) pelanggan **Akaun Kempen Biasa** layak mendapat **2 MT** untuk setiap RM10 PBH bulanan
 - ii) pelanggan **Akaun Kempen MuSS** layak mendapat **4 MT** untuk setiap RM10 PBH bulanan.
- Ilustrasi kelayakan untuk MT adalah seperti yang tertera di bawah:

Akaun Kempen	Akaun Simpanan / Semasa Kempen Biasa atau MuSS	Kelayakan MT
ASIMK	Akaun Simpanan Kempen Biasa	2
ASIMMK	Akaun Simpanan Kempen MuSS*	4
ASIEMK	Akaun Simpanan Kempen Biasa	2
ASEMMK	Akaun Semasa Kempen MuSS*	4
MUD_INVEST	Akaun Pelaburan SURIA	2

* Akaun gaji di bawah Skim Gaji Muamalat [Muamalat Salary Scheme (MuSS)]

- Formula untuk mengira Purata Baki Harian (PBH) bulanan adalah seperti berikut:-

$$PBH = \frac{\text{Jumlah terkumpul baki harian terakhir dalam setiap bulan tertentu}}{\text{Bilangan hari dalam bulan tertentu}}$$

- Contoh jumlah bilangan MT selama 3 bulan berdasarkan PBH adalah seperti ilustrasi yang berikut:-

Pelanggan membuka 'Akaun Simpanan More Kaw-Kaw' (ASIMK) pada 15 Oktober 2020

Bulan	Oktober 2020	November 2020	Disember 2020
Jumlah terkumpul baki harian bulanan (RM)	100,000	25,800	89,455
Bilangan hari	15 - 31 Okt 2020 = <u>17 hari</u>	30 hari	31 hari

Bulan	Oktober 2020	November 2020	Disember 2020
PBH bulanan (RM)	= 100,000/17 = <u>5,882.35</u>	= 25,800/30 = <u>860</u>	= 89,455/31 = <u>2,885.64</u>
Bilangan MT berhak untuk cabutan	MT = 5,882.35/10 = 588.23 = 588 (jumlah dibundarkan ke bawah) = 588 x 2 * = <u>1,176</u>	MT = 860/10 = 86 = 86 x 2 * = <u>172</u>	MT = 2,885.64/10 = 288.56 = 288 (jumlah dibundarkan ke bawah) = 288 x 2 * = <u>576</u>

*Kelayakan untuk 2 MT kerana ASIMK adalah Akaun Kempen Biasa

13.3 Peruntukkan ('Earmarking') untuk deposit / pelaburan minimum

- Pelanggan yang layak perlu memperuntukkan jumlah minimum dalam tempoh tertentu di dalam Akaun Kempen untuk layak menyertai mana-mana Kategori Cabutan (kecuali kategori Klasik & Tempatan), butiran seperti yang ditunjukkan di bawah:-

Kategori Cabutan	Peruntukkan yang diperlukan di dalam Akaun Kempen	
	Jumlah (RM)	Tempoh
PLATINUM	RM1,000	12 bulan
EMAS	RM500	6 bulan
KLASIK	Tidak diperlukan	-
TEMPATAN	Tidak diperlukan	-
KHAS (PESARA)	RM500	6 bulan

- Ilustrasi untuk kelayakan Kategori Cabutan mengikut keperluan peruntukkan ('earmarking') adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

Pelanggan yang layak	Peruntukkan dalam Akaun Kempen	Kelayakan Kategori Cabutan
Pelanggan A (Usia: 25)	Jumlah: RM1,000; Tempoh: 12 bulan	Layak untuk menyertai semua Kategori Cabutan <i>kecuali</i> cabutan KHAS (PESARA)
Pelanggan B (Usia: 60)	Jumlah: RM1,000; Tempoh: 12 bulan	Layak untuk menyertai semua Kategori Cabutan
Pelanggan C (Usia: 47)	Jumlah: RM500; Tempoh: 6 bulan	Layak untuk menyertai cabutan EMAS, KLASIK & TEMPATAN
Pelanggan D (Usia: 25)	Jumlah: Tiada jumlah peruntukkan; Tempoh: Tiada berkaitan	Layak untuk menyertai cabutan KLASIK & TEMPATAN

- Pelanggan yang layak dibenarkan memohon untuk meletakkan jumlah peruntukkan melebihi dari jumlah yang diperlukan di bawah Kategori Cabutan Platinum, Emas atau Khas (Pesara).
- Tempoh peruntukkan akan bermula dari tarikh perletakkan jumlah peruntukkan dalam Akaun Kempen.

Contoh untuk Tempoh Peruntukkan adalah seperti yang tertera di bawah:

No.	Tarikh Perletakkan	Tempoh Peruntukkan	Jangka Masa Peruntukkan
1	15 September 2020	6 bulan	15/09/2020 hingga 14/03/2021
2	23 Februari 2021	12 bulan	23/02/2021 hingga 22/01/2022

- Sekiranya jumlah yang diperuntukkan dalam Akaun Kempen dibatalkan, dikeluarkan atau dilepaskan (sebahagian atau penuh) semasa tempoh peruntukkan, atas apa jua sebab, akan membatalkan kelayakan pelanggan untuk cabutan hadiah Kempen.

Perlaksanaan peruntukkan ('earmarking')

- Untuk tujuan pelaksanaan peruntukkan, peserta yang layak mempunyai opsyen yang berikut:-
 - i) memberi kebenaran tidak boleh batal dengan mengisi Borang Permintaan Perkhidmatan (BPP) yang dikhususkan untuk Kempen ini di Cawangan di mana peletakkan jumlah peruntukkan dibuat dalam Akaun Kempen pelanggan yang layak; atau
 - ii) menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan BMMB (PKPB) untuk pelaksanaan lisan bagi memberi kebenaran untuk jumlah peruntukkan yang diperlukan melalui telefon. Setelah arahan diterima dari pelanggan melalui PKPB, cawangan hendaklah menjalankan proses Peruntukkan tersebut dalam tempoh 3 hari bekerja. Cawangan akan menghubungi pelanggan melalui telefon dan kemudian mengeluarkan Surat Pemberitahuan untuk memaklumkan pelanggan sama ada peruntukkan adalah berjaya atau tidak berjaya.

Bagi permohonan peruntukkan melalui pelaksanaan lisan yang tidak berjaya, pelanggan perlu menghubungi Bank melalui telefon untuk ulangi semula proses peruntukkan tersebut. Pelanggan juga boleh memilih untuk berkunjung ke Cawangan yang berhampiran untuk proses pelaksanaan peruntukkan.

13.4 Dana baharu

- Semua perletakkan deposit / pelaburan ke dalam Akaun Kempen mestilah dibuat menggunakan dana baharu.
- Dana baharu merujuk kepada wang atau dana yang bukan berasal dari mana-mana akaun deposit / pelaburan BMMB yang sedia ada.

- Deposit / pelaburan, sama ada secara tunai atau cek boleh dilakukan melalui kaunter, mesin deposit tunai, transaksi terminal deposit cek, Giro antara bank (IBG), Pindahan Segera (Instant Transfer) ataupun mana-mana cara deposit yang dibenarkan oleh pihak BMMB.
- Deposit / pelaburan melalui cek adalah tertakluk kepada pengesahan oleh pihak Bank dan hanya akan diambil kira apabila cek telah dikreditkan ke dalam Akaun Kempen pelanggan.

Ringkasan kriteria kelayakan untuk menyertai kempen & untuk cabutan hadiah:

Butiran	Kategori Cabutan				
	PLATINUM	EMAS	KLASIK	TEMPATAN	KHAS (PESARA)
Pelanggan yang layak	<ul style="list-style-type: none"> • Individu (Pemastautin/Bukan Pemastautin) atau • Bukan Individu (Persatuan/Kelab/Pertubuhan/Sekolah/ Pemilikan Tunggal/Perkongsi) 				Individu SAHAJA
Kelayakan usia pelanggan *	18 & ke atas				55 & ke atas
Akaun Kempen yang diperlukan **	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun Simpanan Kempen (ASIK) • Akaun Semasa Kempen (ASEK) atau • Akaun Pelaburan Kempen (APK) 				
Deposit / Pelaburan permulaan minima dalam akaun	ASIK : RM100 ASEK: RM500 APK: RM100				
Baki deposit / pelaburan perlu dikekalkan dalam akaun	ASIK : RM100 ASEK: RM500 APK: RM50				
Mata Terkumpul (MT)	MT: Bilangan penyertaan yang pelanggan layak untuk cabutan dan dikira berdasarkan Purata Baki Harian (PBH) bulanan <ul style="list-style-type: none"> • Normal ASIK/ASEK : layak 2 MT untuk setiap RM10 PBH bulanan • MuSS ASIK/ASEK***: layak 4 MT untuk setiap RM10 PBH bulanan • SURIA APK : layak 2 MT untuk setiap RM10 PBH bulanan 				
Jumlah peruntukkan ('earmarking') yang diperlukan dalam akaun	RM1,000	RM500	Peruntukkan tidak diperlukan	Peruntukkan tidak diperlukan	RM500
Tempoh peruntukkan	12 bulan	6 bulan	-	-	6 bulan
<p><u>Nota:</u> * Syarat kelayakan usia tidak berkaitan untuk pelanggan Bukan Individu ** Butiran lengkap seperti di dalam butiran No. 5 & 6 ***Akaun gaji di bawah Skim Gaji Muamalat [Muamalat Salary Scheme (MuSS)]</p>					

CABUTAN UNTUK PEMILIHAN PEMENANG

14. Berdasarkan kriteria kelayakan, pelanggan yang layak berpeluang menyertai Cabutan yang berikut untuk memilih pemenang Hadiah yang diperuntukkan:-

- 14.1 Cabutan EMAS/KLASIK/TEMPATAN/KHAS
- Calon yang layak akan disenarai pendek dengan menggunakan nombor rawak kepada senarai penyertaan bulanan/suku tahunan yg layak
 - Sekiranya tiada pemenang yang layak di dalam tempoh Cabutan tertentu, hadiah yang diperuntukkan untuk tempoh Cabutan tersebut akan dibatalkan.
 - Sebarang penamatan Akaun Simpanan/Semasa Kempen akan membatalkan kelayakan untuk Cabutan EMAS/KLASIK/TEMPATAN/KHAS.
- 14.2 Cabutan PLATINUM (untuk Hadiah Utama)
- Calon yang layak akan disenarai pendek dengan menggunakan nombor rawak kepada semua senarai penyertaan yang layak pada **Ogos 2021**.
 - Pemenang dari cabutan EMAS/KLASIK/TEMPATAN/KHAS layak untuk pemilihan pemenang Hadiah Utama.
 - Sebarang penamatan Akaun Kempen akan terbatal daripada cabutan PLATINUM.
- 14.3 Pemenang akan ditentukan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pemilihan Pemenang BMMB dan keputusannya adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan mahupun bantahan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.
15. Notis Pemberitahuan Pemenang
- 15.1 Pemenang akan diberitahu melalui surat rasmi dan/atau panggilan telefon/perkhidmatan pesanan ringkas (SMS)/atau mana-mana cara komunikasi lain yang dibenarkan oleh pihak BMMB. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman sesawang BMMB www.muamalat.com.my, Facebook, Instagram dan/atau surat khabar yang terpilih berdasarkan kebenaran pemenang-pemenang dalam item 17.3.
- 15.2 Sekiranya BMMB tidak dapat menghubungi pemenang-pemenang dalam masa 30 hari kalendar dari pengumuman pemenang dengan sedaya upaya menggunakan saluran biasa komunikasi (iaitu panggilan telefon, SMS, surat atau mana-mana cara komunikasi lain yang dibenarkan) berdasarkan rekod yg sedia ada di BMMB, BMMB berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.
- 15.3 Satu tarikh akan ditentukan oleh BMMB untuk majlis penyampaian hadiah (jika ada) dan semua pemenang perlu patuh pada yang berikut:-
- Wajib untuk semua pemenang hadir semasa majlis penyampaian hadiah;
 - Semua pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/SMS dan/atau surat rasmi/mana-mana cara komunikasi lain yang dibenarkan oleh pihak BMMB untuk butiran majlis penyampaian hadiah; dan
 - Sekiranya ada pemenang yang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah tanpa sebab yang sah, BMMB mempunyai hak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang lain
 - Pemenang bertanggungjawab untuk membuat persediaan yang perlu dengan BMMB dan/atau pemaju/pengedar/ejen yang dilantik untuk mengambil atau menebus hadiah mereka. BMMB tidak akan menanggung apa-apa penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau lain-lain kos yang mungkin ditanggung oleh pemenang sepanjang proses menebus atau menggunakan Hadiah.

PNEBUSAN HADIAH

16. Tuntutan Hadiah

- 16.1 Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh 21 hari setelah dimaklumkan oleh BMMB. Jika gagal, hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan.

- 16.2 Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang/perisytiharan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh BMMB.
- 16.3 Dalam kes kematian pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh benefisiari kepada simati dalam tempoh 21 hari dari tarikh mati berserta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh BMMB. Sekiranya gagal, BMMB berhak untuk membatalkan hadiah dan memilih pemenang lain.
- 16.4 Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
- 16.5 Hadiah-hadiah yang tertera adalah tertakluk kepada stok sedia ada. BMMB berhak untuk mengganti hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama dengan memberi makluman terlebih dahulu kepada peserta/pemenang.
- 16.6 Hadiah-hadiah yang ditunjukkan dalam iklan dan lain-lain bahan pemasaran (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan rekabentuk sebenar mungkin berbeza.

UMUM

17. Pengesahan dan Kebenaran

- 17.1 BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi makluman terlebih dahulu sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pembatalan/penamatan atau penggantungan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh BMMB, pemegang akaun tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada BMMB untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut melainkan kerugian atau kerosakan adalah disebabkan oleh kecuaiannya, penipuan dan salah laku yang disengajakan oleh BMMB.
- 17.2 Semua pelanggan Kempen yang layak adalah secara peribadi bertanggungjawab untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, dan kos pemasangan, jika berkenaan berhubung dengan hadiah dan Kempen.
- 17.3 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, pemegang akaun adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma-terma dan syarat-syarat dari agensi yang dilantik dan dengan secara tidak boleh batal sekali gus membenarkan BMMB untuk mendedahkan maklumat mengenai butir-butir pemegang akaun kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini. Pemenang-pemenang dengan ini bersetuju dan membenarkan BMMB untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Borang Kempen (jika ada), nama dan gambar pemenang ialah milik BMMB.
- 17.4 BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh pemegang akaun yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau akibat daripada tindakan atau peninggalan dari bahagian BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan

dengan kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan BMMB.

- 17.5 Selain daripada Terma-terma dan Syarat-syarat khusus Kempen yang dinyatakan di sini, segala terma dan syarat lain yang termaktub dalam Terma dan Syarat Akaun Simpanan-i di bawah konsep Tawarruq dan Akaun Pelaburan bawah konsep Mudarabah adalah terpakai.
- 17.6 Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan di antara terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, terma dan syarat di dalam versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.
- 17.7 Jika pemenang diketahui tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, BMMB berhak untuk membatalkan penyertaan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah tersebut kepada pemenang lain yang ditentukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh BMMB.
- 17.8 BMMB mempunyai hak sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, menukar, meminda, mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari melalui siaran di laman web BMMB di www.muamalat.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Pelanggan yang telah mengambil bahagian dalam Kempen dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan bersetuju dengan apa-apa perubahan atau variasi kepada terma dan syarat. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini akan dianggap sebagai penerimaan mereka terhadap terma dan syarat (termasuk yang berubah atau diubah).
- 17.9 Segala Terma dan Syarat didalam ini adalah tertakluk kepada, ditadbir oleh, dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan serta garis panduan oleh BNM dan setiap badan-badan yang berkaitan, yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 17.10 Terma dan syarat ini tertakluk kepada semua peruntukan yang berlaku dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Anti Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Akta Aktiviti Tidak Sah 2001 (AMLA).
- 17.11 Terma dan syarat ini juga tertakluk kepada semua panduan dan arahan Bank Negara Malaysia yang berkaitan dengan IFSA dan AMLA.
- 17.12 Terma dan Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.